

Malaysia seru APEC jadi jambatan ekonomi, perluas kerjasama

Anwar gesa hubungan adil, seimbang antara negara termasuk rantau Afrika dan Amerika Latin

Gyeongju: Malaysia menekankan perluasan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dengan membabitkan rantau Amerika Latin dan Afrika.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata APEC boleh menjadi jambatan ekonomi ke arah itu.

"APEC harus menjadi jambatan bukan sahaja bagi ekonomi Asia Pasifik, tetapi juga dalam memperluas keterlibatan dengan rantau Amerika Latin dan Afrika.

"Ini menuju tatanan ekonomi dunia yang lebih adil dan seimbang antara negara maju dan negara membangun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kenyataan negara semasa sesi intervensi Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2025 di sini, semalam.

Tambah Anwar, APEC terbukti sebagai pelopor yang memacu semangat keterbukaan dan menggalas tanggungjawab moral.

Ini selain memperkenalkan norma ekonomi global berasaskan kerjasama sukarela, bukan paksaan.



Anwar ketika pertemuan dua hala bersama Bessent di luar AELM di Gyeongju, semalam.

(Foto ihsan PMO)

"Melangkah ke hadapan, APEC sedang merumus idea baharu yang berkait rapat dengan cabaran masa depan bersama.

"Ini termasuk pertumbuhan hijau dan pembiayaan mampan, transformasi digital dan akses saksama kepada teknologi, rantaian bekalan yang berdaya tahan dan mineral kritikal serta keselamatan makanan, pertanian pintar dan peralihan tenaga bersih," tegas beliau.

Katanya, kesemua tema ini yang digariskan selari dengan aspirasi Malaysia di bawah Kerangka Ekonomi MADANI, iaitu membina ekonomi yang berdaya tahan, inklusif dan mampan untuk manfaat semua.

Anwar turut berkata, transformasi global yang berlaku kini memerlukan pendekatan berasaskan penyertaan menyeluruh ra-

kyat bagi memastikan perubahan yang nyata dan bernilai tambah.

"Masa hadapan menjadi milik rantau yang mampu memupuk kerjasama antara kerajaan, industri, institusi akademik dan komuniti," katanya.

Tadbir urus kolaboratif tegasnya bukan soal berkongsi kuasa, tetapi berkongsi matlamat bersama.

Perkukuh kerjasama AS

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan di luar Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) semalam, Anwar berkata, Malaysia komited memperkukuh kerjasama strategik dengan Amerika Syarikat (AS) atas landasan prinsip keterbukaan, keadilan dan hormat-menghormati, demi menjamin kestabilan, kemakmuran dan keamanan serantau ser-

ta sejangat.

Beliau berkata dalam pertemuan dua hala dengan Setiausaha Perbendaharaan AS, Scott Bessent di sini, Bessent mengulangi penghargaan kepada Malaysia atas layanan baik yang diberikan kepada Presiden Donald Trump dan delegasi AS semasa di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Pertemuan kami hari ini (semalam) secara tidak langsung meneruskan momentum hubungan erat yang telah terjalin semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan memberi ruang untuk kami membincangkan pelbagai aspek hubungan perdagangan serta kewangan antara Malaysia dan AS.

"Tumpuan turut diberikan kepada usaha memperkukuh pertalian ekonomi dua hala, termasuk komitmen bersama antara

Perbendaharaan AS dan Bank Negara Malaysia dalam memastikan dasar pertukaran mata wang yang berdaya tahan, kestabilan pasaran kewangan serta tadbir urus yang telus dan berintegriti," katanya.

Perdana Menteri turut mengulangi ucapan terima kasih kepada Trump atas kunjungan yang mencerminkan iltizam tinggi kepimpinan AS dalam memperkukuh hubungan dua hala yang konstruktif, saling menghormati dan membawa manfaat bersama.

"Saya menghargai peranan dan sumbangan beliau dalam memperkukuh kerjasama ekonomi global, di samping usaha memperluas jaringan pelaburan, perdagangan dan keamanan inklusif berasas dialog, keadilan dan saling memahami," kata beliau.